

# UTM, UPM ungguli enam acara

HKA Selasa 21 Oct  
2003

Oleh Nurhidayah Najmi

am@hmetro.com.my

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan keperkasaan mereka apabila masing-masing berjaya melayakkan diri ke separuh akhir bagi enam acara.

Secara keseluruhan 10 acara dipertandingkan dalam Kejohanan Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2003 di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok dari Sabtu lalu hingga Rabu ini.

UTM berjaya melayakkan diri ke separuh akhir bagi acara squash lelaki, ping pong lelaki dan wanita, bola baling lelaki, bola jaring wanita dan ragbi.

UPM pula bagi acara squash lelaki, ping pong lelaki, bola baling lelaki dan

wanita, bola jaring wanita dan ragbi.

Pada suku akhir, dalam acara ping pong lelaki, UTM mengatasi Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO) 3-1 semalam.

UTM turut mengatasi Universiti Malaya (UM) dalam acara bola baling lelaki 4-3, bola jaring wanita pula mengalahkan Universiti Sains Malaysia (USM) 23-22, menewaskan KUITTHO 14-5 bagi acara ragbi dan ping pong wanita menundukkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2-0.

Pasukan UPM pula pada peringkat suku akhir berjaya mengatasi UM dalam acara ping pong lelaki dengan keputusan 3-2, bola baling wanita kepada UUM (4-0), bola jaring wanita kepada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) (28-15)

dan ragbi kepada UUM (64-0).

Universiti Sains Malaysia (USM) pula layak ke separuh akhir dalam acara ping pong lelaki selepas mengatasi Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) 3-0.

UUM pula mengungguli dua acara mengatasi UM dalam bola jaring wanita 28-27 dan ping pong wanita menewaskan UPM 2-1 untuk layak ke separuh akhir.

UKM menguasai tiga acara iaitu ping pong lelaki selepas menewaskan UUM 3-2, menyingkirkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam acara bola baling 4-3 dan bola jaring wanita mengalahkan UIAM 30-20.

KUITTHO pula mengatasi UKM dalam acara bola baling lelaki 8-5 untuk ke separuh akhir.